

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah GST bakal dikembalikan dan cukai tafsiran individual akan dihapuskan atau dijadikan Combo GST + Cukai Tafsiran Individu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih mengkaji kesesuaian melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (atau GST) dan model-model cukai kepenggunaan yang lain dengan mengambil kira semua aspek. Ini termasuklah kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST sedia ada serta kelemahan sistem GST yang dilaksanakan pada tahun 2015.

2. Kajian yang sedang dijalankan ini akan meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Cukai kepenggunaan yang baharu tersebut, jika dilaksanakan, juga perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

3. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah mengamalkan pengenaan cukai kepenggunaan secara serentak dengan pengenaan cukai pendapatan (termasuk cukai pendapatan individu) sejak 1970-an lagi. Pada masa itu, cukai pendapatan individu telah berkuat kuasa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 manakala cukai jualan diperkenalkan pada tahun 1972 dan cukai perkhidmatan pada tahun 1975. Amalan serupa diteruskan apabila GST diperkenalkan pada tahun 2015 serta apabila cukai jualan dan cukai perkhidmatan diperkenalkan semula pada tahun 2018. Selaras dengan amalan percukaian ini, jika terdapat sebarang cukai kepenggunaan yang baharu diperkenalkan di Malaysia pada masa hadapan, cukai yang baharu tersebut juga akan dikuatkuasakan secara serentak tanpa menghapuskan pengenaan cukai pendapatan ke atas individu.

4. Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa cukai kepenggunaan, sama ada di bawah sistem SST atau sistem GST, hanya dikenakan apabila urusan tertentu dilakukan. Lazimnya, cukai ini terus dibayar oleh pengguna kepada penjual atau penyedia perkhidmatan semasa atau selepas urusan tersebut berlaku. Penjual dan penyedia perkhidmatan ini pula yang akan mengemukakan cukai kepenggunaan tersebut kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

5. Ini berbeza dengan cukai pendapatan individu yang dikenakan ke atas pendapatan yang dijana oleh seseorang individu dalam suatu tempoh percukaian tertentu. Ini lazimnya dalam tempoh satu tahun percukaian. Cukai ini pula dibenarkan untuk dibayar secara bulanan atau tahunan mengikut situasi pembayar cukai tersebut setelah beliau mengemukakan anggaran pendapatan atau borang nyata cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

6. Oleh itu, adalah jelas bahawa cukai kepenggunaan dan cukai pendapatan individu masing-masing dikenakan berdasarkan konsep dan asas percukaian yang berbeza dan pengenaannya tidak dibuat secara kombinasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan secara perolehan darurat (tanpa tender terbuka) yang telah dilakukan semasa tempoh Darurat dengan mempericikan butir-butir perolehanan termasuk nama-nama syarikat yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh darurat yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan adalah bagi mengawal penularan virus Covid-19 dan ia tidak bermakna bahawa semua perolehan boleh dilaksanakan secara darurat (tanpa tender terbuka). Agensi hanya diberi kelonggaran daripada mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa dengan melaksanakan perolehan darurat demi menjaga kepentingan awam dan Kerajaan, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Pengurusan Belanjawan (PB) 3.3: Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2). Darurat bagi tujuan perolehan ditakrifkan sebagai kejadian yang bersifat kecemasan dan/atau luar biasa yang memerlukan tindakan serta merta supaya tidak menjejaskan kepentingan awam, penyampaian perkhidmatan Kerajaan, mengekang berlakunya kerosakan berterusan dan menyekat penularan wabak dan seumpamanya.

2. Selain itu, proses digitalisasi perolehan Kerajaan melalui penggunaan sistem ePerolehan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan telah membantu Agensi Kerajaan memastikan perkhidmatan awam tidak terjejas dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk semasa tempoh Darurat. Bagi tahun ini sehingga 15 September 2021, sebanyak 24,342 tawaran sebut harga dan 2,606 tender telah diiklankan manakala sebanyak 14,767 Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan dengan nilai keseluruhan perolehan sebanyak RM 4.63 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Mohd Azis Bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sepanjang tempoh darurat dan ordinar-ordinan darurat 2021 berkuatkuasa : -

(a) berapa jumlah perbelanjaan tambahan yang digunakan oleh Kerajaan (pecahan mengikut sumber, kategori perbelanjaan dan jenis perolehan ; dan

(b) jumlah individu dan syarikat yang telah dikenakan kompaun dan nilai keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh darurat dan ordinan-ordinan darurat 2021 berkuat kuasa, tiada peruntukan tambahan telah diluluskan untuk perbelanjaan tahun 2021. Walau bagaimanapun, perbelanjaan tambahan tahun 2020 telah diluluskan melalui ordinan.

2. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 ini telah diwartakan pada 14 Januari 2021 iaitu susulan perisytiharan Proklamasi Darurat oleh Yang Dipertuan Agong. Berdasarkan kepada Seksyen 14 dan 15 Ordinan tersebut, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak akan bersidang semasa tempoh darurat.

3. Walau bagaimanapun, perbelanjaan tambahan ini telah pun dibelanjakan dan Akaun Awam Kerajaan Persekutuan 2020 juga sedang dalam proses dimuktamadkan. Oleh itu, terdapat keperluan supaya perbelanjaan tambahan tahun 2020 segera dibentangkan di Parlimen bagi mendapatkan kelulusan.

4. Maka Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 telah digubal bagi membolehkan Kerajaan tidak mengguna pakai peruntukan di bawah perkara 98 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, serta subseksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dalam tempoh darurat. Di bawah Ordinan berkenaan, apa-apa perbelanjaan tambahan yang dibuat oleh Perbendaharaan akan disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan sebagai pemberitahuan sahaja, tanpa perlu dibawa dan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan perbelanjaan bagi tahun 2020 ini melibatkan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan. **Perbelanjaan Mengurus** bagi tahun 2020 yang diluluskan adalah sebanyak **665.9 juta ringgit**. Ia merangkumi Maksud Tanggungan

- T7 bagi Suruhanjaya Pilihanraya sebanyak 30,400 ringgit; dan
- Maksud T12 bagi Perbendaharaan sebanyak 11.9 juta ringgit.

6. Di bawah Maksud Bekalan yang telah diluluskan pula ialah
- Maksud B.4 bagi Suruhanjaya Pilihan Raya berjumlah 94.8 juta ringgit;
 - Maksud B.25 bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berjumlah 84.4 juta ringgit;
 - Maksud B.12 bagi Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun berjumlah 474.7 juta ringgit; dan
 - Maksud B.47 bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia berjumlah 20 ringgit sebagai Peruntukan Tanda.
7. Bagi **Perbelanjaan Pembangunan** pula, jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020 yang diluluskan adalah sebanyak **2,981 juta ringgit** yang merangkumi:
- Maksud P.28 bagi Kementerian Pengangkutan berjumlah 1,458 juta ringgit;
 - Maksud P.42 bagi Kementerian Kesihatan berjumlah 1,173.5 juta ringgit);
 - Maksud P.10 bagi Perbendaharaan berjumlah 160.5 juta ringgit;
 - Maksud P.22 bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjumlah 105.2 juta ringgit;
 - Maksud P.15 bagi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berjumlah 19.9 juta ringgit; dan
 - Maksud P.60 bagi Kementerian Pertahanan berjumlah 63.9 juta ringgit.
8. Sebanyak 210 ringgit pula merupakan Peruntukan Tanda yang telah diluluskan kepada beberapa Kementerian untuk mewujudkan butiran projek baharu dan membolehkan pindah peruntukan dibuat daripada butiran projek yang lain.
9. Selain itu, jumlah **individu dan syarikat yang dikenakan kompaun** bermula tahun 2020 sehingga 23 Ogos 2021 adalah sebanyak 179,290 dengan nilai keseluruhan kompaun yang telah dibayar berjumlah 71.8 juta ringgit.

Sekian, terima kasih.